

“KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN”:SATU SOROTAN DALAM KEPELBAGAIAN AGAMA DI MALAYSIA

Ayu Nor Azilah binti Mohamad
Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Tel: 013-6641980, Email: ayunorazilah@kuis.edu.my

Abstrak

Maqasid syariah menuntut agar manusia mengatur hubungan manusia dengan Penciptanya, hubungan manusia sesama manusia dan hubungan dengan alam untuk mencapai kesejahteraan, keamanan dan kedamaian di dunia bagi menjamin kebahagiaan kehidupan yang abadi di akhirat kelak. Dengan lebih ringkas, lima perkara pokok yang perlu dipelihara dalam maksud syariah itu sendiri yakni; agama, diri, akal, keturunan dan harta. Artikel ini membincangkan tentang prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan". Prinsip ini antara lima prinsip yang terdapat dalam Rukun Negara yang menjadi salah satu ideologi negara. Prinsip ini juga dibentuk mengikut acuan Malaysia dan dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Prinsip ini mengingatkan rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam agar lebih bertanggungjawab kerana kepercayaan kepada Tuhan lazimnya dikaitkan kepada adanya alam akhirat atau Hari Pembalasan. Jika diteliti, tuntutan syariah yang berkaitan dengan agama ini juga terdapat dalam agama selain daripada agama Islam. Cuma yang membezakannya adalah cara pengamalan, corak pemikiran dan pemeliharannya. Perbezaan ini akan diuraikan dengan lebih lanjut dalam perbincangan seterusnya selepas dibuat analisis melalui kaedah resensi kepustakaan. Namun yang jelas, prinsip "Kepercayaan kepada Tuhan" ini amat bersesuaian dengan masyarakat majmuk dengan kepelbagaian agama di Malaysia. Hal ini kerana bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Melalui kepercayaan beragama inilah akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa serta negara yang berdaulat demi kelangsungan keharmonian antara etnik di Malaysia.

Kata kunci: Kepercayaan, Tuhan, Agama, Rukun Negara, ideologi

1. Pendahuluan

Masyarakat Malaysia terdiri daripada tiga komuniti etnik yang utama iaitu Melayu/Bumiputera, Cina dan India. Mengikut laporan The Star, jumlah rakyat Malaysia bagi kelompok Bumiputera mencatat peratusan 67.4 peratus daripada keseluruhan rakyat diikuti Cina sejumlah 24.6 peratus, India sebanyak 7.3 peratus dan lain-lain bersamaan 0.7 peratus. Orang Melayu dan masyarakat peribumi yang lain dikelaskan sebagai bumiputera yang menikmati keistimewaan tertentu berkaitan Perkara 153 seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Orang Cina dan orang India pula dikelaskan sebagai bukan bumiputera. Tiada satu pun daripada mana-mana kumpulan ini bersifat homogen iaitu setiap kumpulan dibezakan lagi oleh identiti subetnik mereka berdasarkan bahasa dan agama yang berbeza. Majoriti orang Melayu ialah orang Islam yang bertutur bahasa Melayu, manakala masyarakat bumiputera lain terutamanya di ke dua-dua negeri Borneo, iaitu Sabah dan Sarawak mengamalkan agama yang berbeza dan mempunyai bahasa etnik mereka sendiri. Orang India kebanyakannya penganut Hindu yang bertutur bahasa Tamil. Sementara itu, latar belakang agama dan bahasa masyarakat Cina pula juga jelas berbeza. Semua faktor ini menjadikan perbezaan agama dan bahasa di Malaysia berlaku dalam lingkungan etnik dan juga antara kumpulan etnik. (Mohamed Mustafa Ishak 2014;3-4)

Agama merupakan fenomena penting dalam kehidupan manusia. Agama bukan sahaja membantu manusia untuk mengenal Tuhan tetapi juga kesejahteraan hidup. Di Malaysia, agama dan etnik telah menjadi identiti kelompok yang saling melengkapi sehinggakan kelompok etnik disamakan dengan kelompok agama. Orang Melayu dianggap sebagai orang

Islam, orang India sebagai orang Hindu, orang Cina dan Siam sebagai orang Buddha serta masyarakat orang Asli dan suku kaum bumiputera di pedalaman Sabah dan Sarawak sebagai penganut animisme. Mereka yang bertukar agama dianggap telah keluar daripada kelompok etnik (Shamsul Amri Baharuddin 2012:145)

2. Kepercayaan Kepada Tuhan Dalam Rukun Negara

Rukun Negara adalah salah satu ideologi negara yang mengandungi prinsip-prinsip kehidupan bermasyarakat, nilai-nilai kenegaraan dan norma-norma sosial yang meliputi aspek keagamaan, kebudayaan, ekonomi, politik dan perundangan. Rukun Negara digubal akibat daripada peristiwa 13 Mei 1969 iaitu rusuhan kaum yang menggugat keamanan dan keutuhan negara ketika itu (Anuar Rafie 2007: 1-3). Ideologi ini digubal semasa negara sedang berada di bawah pimpinan MAGERAN dan badan yang bertanggungjawab di atas penggubalannya ialah Majlis Perundangan Negara (MPN). Kata sepakat untuk mencipta satu ideologi negara ini dicetuskan semasa mesyuarat pertama MPN iaitu pada 27 Januari 1970.

Ideologi negara ini menggariskan lima prinsip yang lahir daripada aspirasi masyarakat dan negara Malaysia, dibentuk mengikut acuan Malaysia dan dimiliki bersama oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Ini digambarkan dengan jelas melalui lima prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang serta Kesopanan dan Kesusilaan. Akan tetapi perbincangan ini akan hanya memfokus kepada "Kepercayaan kepada Tuhan."

a) Kepercayaan kepada Tuhan;

Agama ialah ciri penting dalam kehidupan manusia kerana ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang serta bangsa dan negara. Bangsa dan negara ini telah diwujudkan atas kepercayaan yang kukuh kepada Tuhan. Melalui kepercayaan beragama inilah akan menjadikan bangsa dan negara ini sebagai satu bangsa dan negara yang berdaulat. Kaum-kaum di Malaysia menganut pelbagai agama seperti Islam, Buddhisme, Taoisme, Konfucianisme, Hinduisme, Kristian dan sebagainya. Pegangan agama juga dapat membimbing tindakan seseorang untuk berbuat baik dan menghindari perbuatan jahat serta mengenali pahala dan dosa (Mardiana Nordin & Hasnah Husiin 2014:339). Prinsip ini mengingatkan rakyat Malaysia khususnya yang beragama Islam agar lebih bertanggungjawab kerana kepercayaan kepada Tuhan lazimnya dikaitkan kepada adanya alam akhirat atau Hari Pembalasan.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam ialah agama rasmi Persekutuan tetapi agama-agama dan kepercayaan-kepercayaan lain boleh diamalkan dengan aman dan tenteram di mana-mana bahagian dalam Persekutuan. Fenomena ini membolehkan setiap individu berpegang kepada kepercayaan yang diyakininya dan patuh kepada ajaran tersebut. Tindakan membeza-bezakan terhadap seseorang warganegara atas alasan agama adalah dilarang sama sekali. Walaupun apa agama yang dianuti, percaya akan kewujudan Tuhan merupakan rukun sebagai anak Malaysia.

Jawatankuasa penggubal Rukun Negara menyedari akan pentingnya agama dan kepercayaan kepada Tuhan dalam kehidupan manusia. Ketiadaan agama boleh meruntuhkan keperibadian seseorang, sesuatu bangsa serta negara. Menyedari betapa pentingnya keteguhan pegangan anggota masyarakat terhadap ajaran agama masing-masing, prinsip inilah telah dipilih sebagai prinsip pertama dalam Rukun Negara (Ayu Nor Azilah 2013:383)

3. “Kepercayaan Kepada Tuhan” Dalam Agama-Agama Di Malaysia

Kebanyakan pengkaji sejarah agama berpendapat bahawa agama ialah keperluan asas setiap manusia. Oleh sebab itu tiada sebuah masyarakat pun di dunia ini yang tidak mempunyai agama. Kepercayaan kepada agama merupakan sifat sejagat bagi seluruh manusia sama ada manusia moden ataupun primitif. Pemikiran tentang agama sudah wujud dalam diri manusia sejak dilahirkan lagi. Bukti penemuan arkeologi menunjukkan kehidupan manusia terawal sudah dipengaruhi oleh agama. Selain naluri semula jadi, manusia mengamalkan agama kerana warisan kebudayaan, faktor keselamatan, kesejahteraan, mengukuhkan ikatan persaudaraan dan mencari jawapan kepada persoalan yang sukar dijawab.

Warisan kebudayaan merupakan faktor utama menentukan agama seseorang manusia. Kebiasaannya individu akan menganut agama yang dianuti oleh keluarga, suku kaum atau etnik yang diwarisi daripada satu generasi kepada satu generasi berikutnya. Contohnya, rata-rata etnik Melayu menganut agama Islam kerana keluarga dan nenek moyang mereka beragama Islam. Faktor keselamatan juga memainkan peranan kerana apabila memeluk sesuatu agama, seseorang berasa selamat dan percaya bahawa kuasa agama yang dipercayainya akan menjaga keselamatannya. Kuasa agung juga menjadi tempat mengadu hal serta mendapatkan pertolongan dan perlindungan. Faktor keselamatan di akhirat juga adalah penting kerana kebanyakannya agama menjanjikan kesejahteraan di akhirat kepada penganut yang patuh kepada ajaran agama masing-masing.

Faktor lain adalah kerana agama merupakan jawapan kepada persoalan kehidupan yang sukar dijawab. Persoalan mengenai manusia dan hakikat diri, alam sekitar dan pengalaman ghaib yang tidak dapat dijangkau oleh akal fikiran yang kesemuanya boleh dijawab oleh agama. Tegasnya, agama akan memberi jawapan kepada pertanyaan yang sukar dijawab oleh akal. Akhirnya, agama diminati kerana agama merupakan elemen pengukuhan ikatan persaudaraan. Kepercayaan dan amalan yang sama dalam sesuatu agama akan menyatukan semua anggota yang menganutnya dalam satu komuniti bermoral. (Shamsul Amri 2012:146-147)

a) Agama Islam

Agama Islam adalah berkonsepkan kepercayaan kepada Tuhan yang satu. Ajaran ini sememangnya berbeza dengan pegangan masyarakat Tanah Melayu pada abad ke-7 hingga abad ke-13 yang sebelum ini menganut agama Hindu dengan konsep banyak Tuhan. Dalam agama Islam, al-Quran dijadikan sebagai asas dan sumber hukum yang utama bersama-sama dengan panduan daripada amalan Nabi Muhammad SAW seperti hadis. Dua lagi sumber yang turut menjadi rujukan untuk memahami agama Islam ialah Ijmak Ulama dan Qiyas. Asas utama dalam ajaran Islam ialah Rukun Islam dan Rukun Iman. Islam ialah agama yang paling meluas dianuti di Malaysia dengan memperlihatkan peningkatan perkadaran daripada 58% pada tahun 1991 kepada 60.4% pada tahun 2000 dan terus meningkat pada tahun 2010 pada kadar 61.3%. Secara keseluruhan, ajaran Islam bermatlamat;

- (i) Melahirkan manusia yang mempunyai konsep kepercayaan yang betul iaitu hanya percaya kepada kekuasaan Allah S.W.T semata-mata.
- (ii) Melahirkan manusia yang mempunyai cara hidup yang tersusun dan bersistematik dalam setiap situasi kehidupan.
- (iii) Melahirkan manusia yang bertanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini dan sekaligus melahirkan manusia yang mengenali diri dan mempunyai hala tuju

hidup. (Mardiana Nordin & Hasnah Hussin 2014:305-306). Islam ialah suatu pakej panduan atau manual kehidupan. Islam merupakan *ad-Din* yang mempunyai *welstencahung* atau *tasawwur* yang tersendiri lagi maha lengkap.

Islam dalam perlembagaan bukan sahaja hanya terkandung dalam Perkara 3 tetapi juga harus dibaca bersama-sama dengan Perkara 8, 11, 12, 121, 150 dan kedudukan Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal agama Islam. Menurut Prof. Ahmad Ibrahim, oleh kerana perkataan “Islam” dan bukan “agama Islam” yang digunakan di Perkara 3 bolehlah diujahkan bahawa apa yang dimaksud ialah Islam sebagai cara hidup mengikut Islam iaitu Islam sebagai *ad-Din*. Perkara ini menunjukkan bahawa Islam dalam perlembagaan mempunyai keistimewaan namun agama-agama lain tetap diberi perlindungan. Islam dalam perlembagaan ialah satu isu yang penting kerana isu ini berkait rapat dengan kepercayaan dan pegangan majoriti rakyat Malaysia. Apabila disebut “agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan”, orang-orang bukan Islam mendakwa bukan sahaja mereka diberi kebebasan mengamalkan kepercayaan dan upacara-upacara agama mereka akan tetapi cara hidup mereka (Ramawan Ab. Rahman 2011: 126). Isu ini juga merupakan isu yang sensitif kerana etnik Melayu merasakan bahawa agama tidak boleh dipisahkan daripada kehidupan seharian mereka. Walaupun soal kepercayaan dan keimanan ialah urusan seseorang, namun dalam konteks Malaysia, perkara ini boleh memberi kesan kepada ketenteraman awam khususnya yang melibatkan ketegangan antara kaum seperti dalam kes Natrah pada tahun 1950 dan Nur Aisyah pada tahun 1998 (Shamsul Amri 2012:104)

Aspek kepercayaan dalam agama Islam merupakan perkara asas yang wajib diimani dan diyakini oleh setiap individu muslim. Keimanan dan kepercayaan ini adalah diasaskan kepada kebenaran yang mutlak dan bukannya kepada kesesatan atau kebatilan. Terdapat enam aspek kepercayaan yang tertera dalam Rukun Iman seperti yang dijelaskan oleh al-Quran dan Sunnah iaitu;

(i) Beriman kepada Allah S.W.T.

Ini merupakan asas atau intipati kepercayaan dalam ajaran Islam. Beriman kepada Allah S.W.T. membawa maksud bahawa sesungguhnya Allah S.W.T. adalah Tuhan yang selayaknya disembah dan lagi Maha Esa. Kepercayaan ini juga termasuklah mempercayai bahawa Allah S.W.T. itu sebagai pencipta, pemilik dan pentadbir seluruh alam. Begitu juga wajib mempercayai bahawa Allah S.W.T. itu bukan makhluk dan bersifat dengan sifat Maha Sempurna, Maha Hebat dan Maha Menentukan segalanya.

(ii) Beriman kepada Malaikat

Beriman kepada Malaikat ialah percaya akan wujudnya ciptaan Allah S.W.T. yang tidak pernah menyalahi sesuatu perintah Allah S.W.T. dan melaksanakan apa yang diperintahkan kepada mereka. Mereka ditugaskan untuk melaksanakan perintah Allah S.W.T. ke atas manusia dan alam. Ada antara mereka yang tidak pernah berpisah daripada manusia kerana memberikan kesaksian atas segala gerak-geri manusia sama ada baik ataupun sebaliknya.

(iii) Beriman kepada Rasul

Mempercayai akan wujudnya daripada kalangan manusia ini yang diangkat oleh Allah S.W.T. sebagai utusan-Nya. Mereka ini diberi tugas untuk menyampaikan dan menjelaskan kepada manusia apa yang diperintah dan dilarang oleh Allah S.W.T. dalam segala aspek kehidupan bagi tujuan mendapatkan kebaikan di dunia dan di akhirat.

(iv) Beriman kepada Kitab

Mempercayai bahawa al-Quran adalah kitab yang diturunkan oleh Allah S.W.T. untuk menjadi panduan kepada kehidupan manusia. Kitab ini mengandungi peraturan, ilmu pengetahuan dan sebagainya yang lengkap lagi sempurna serta sesuai sepanjang zaman.

(v) Beriman kepada hari Akhirat

Menyakini kehidupan di dunia bersifat sementara akan musnah apabila berlakunya kiamat. Oleh itu, manusia tidak boleh lalai daripada melaksanakan tanggungjawab mereka di dunia ini kerana mereka akan dipersoal kelak.

(vi) Beriman kepada Qadak dan Qadar

Mempercayai bahawa apa yang berlaku ke atas diri makhluk sama ada baik atau buruk adalah ketentuan Allah S.W.T.. Walau bagaimanapun manusia diberi keupayaan untuk membuat pilihan ke atas tindak-tanduknya ketika hidup di dunia.

Manakala lima perkara yang terkandung dalam Rukun Islam pula ialah:

- (i) Mengucap dua kalimah syahadah yang bermaksud: “aku naik saksi bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah” dan “aku naik saksi bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah”.
- (ii) Menunaikan sembahyang lima waktu sehari semalam.
- (iii) Menunaikan zakat.
- (iv) Menunaikan puasa di bulan Ramadan.
- (v) Menunaikan haji kepada yang mampu dari segi kewangan dan kesihatan.

(Shamsul Amri 2007:148)

Akidah dalam Islam merupakan kepercayaan atau keimanan kepada hakikat dan nilai-nilai mutlak, tetap dan kukuh dalam jiwa setiap orang Islam. Ini merupakan satu perjanjian yang diikat antara makhluk dengan penciptanya iaitu Allah S.W.T. Pegangan akidah yang kuat dan kukuh akan dapat membebaskan diri manusia daripada tunduk dan patuh kepada sesuatu yang bersifat makhluk, sama ada dalam bentuk jirim atau roh. Seperti yang dinyatakan oleh Hassan al-Banna (m.1949) bahawa “akidah adalah hal-hal yang berhubung dengan kepercayaan dan keyakinan di dalam hati dan jiwa itu menjadi tenteram, tidak ragu-ragu dan bimbang, bersih dan murni daripada segala syak wasangka.” (Osman Bakar 2015: 41-42)

b) Agama Hindu

Agama Hindu yang terdapat di Malaysia sekarang ialah agama yang berasal dari India, terutama dari India Selatan. Inilah agama yang dianuti oleh sebahagian besar masyarakat India iaitu 80% daripada jumlah penduduk kaum India di Malaysia. Konsep Tuhan menurut kitab-kitab suci agama Hindu berasaskan dua mazhab utama agama Hindu iaitu Saivisme dan Vainavisme. Hanya dua mazhab ini yang akan dibincangkan kerana di Malaysia, kedua-dua mazhab inilah yang diamalkan secara berleluasa. Walaupun wujud kepercayaan mengenai mazhab-mazhab lain tetapi lebih bersifat kepercayaan dalam lingkungan keluarga dan bukan sebaliknya.

Menurut teks agama Hindu, Tuhan ialah suatu kuasa yang abstrak. Tuhan tidak mempunyai bentuk tertentu. Konsep ketuhanan ini ditandakan dengan istilah *Brahman*. Perkataan *Brahman* ini boleh disamakan dengan istilah Tuhan dalam bahasa Melayu dan *God* dalam bahasa Inggeris. *Brahman* di sini dikenali sebagai Nirguna Brahman bererti konsep ketuhanan yang abstrak yang juga disebut *Nirkara Brahman*. Konsep ketuhanan abstrak ini

adalah di luar persepsi manusia biasa. Oleh itu, untuk membawa kesedaran dan penghayatan tentang kebesaran tuhan, maka konsep abstrak tersebut perlu dipersepsikan. Untuk itu Tuhan diberikan nama, rupa dan sifat. Dengan ini Tuhan yang sukar dipersepsikan oleh manusia kini mudah dipersepsikan. Dalam tahap ini Brahman dikenali sebagai *Sakuna Brahman* yang juga disebut *Sakara Brahman*. Sifat-sifat unggul seperti Yang Maha Kuasa, yang Maha Tahu, yang Maha Besar, yang Maha Kasih dan sebagainya adalah antara sifat-sifat yang diberikan kepada *Sakuna Brahman*. Terdapat banyak symbol bagi menerangkan konsep ketuhanan dalam tradisi agama Hindu. Ini termasuklah patung suci, gambar dan lakaran dewa-dewi, simbol binatang, tumbuhan, senjata, struktur kuil dan sebagainya (Singaravelu Sachithnantham 2006:44)

Penganut Hindu mempercayai banyak tuhan. Bagi mereka setiap kekuatan alam semula jadi sama ada mendatangkan faedah atau membahayakan adalah tuhan yang diharapkan pertolongan. Ketika dilanda kesusahan, penganut Hindu menyeru tuhan-tuhan ini supaya memberkati keturunan, harta benda dan menolong mereka untuk menentang musuh. Sebenarnya penyembahan kepada kekuatan tabii ini tidak dijalankan secara sekali gus tetapi berperingkat-peringkat. Pada mulanya bentuk-bentuk alam yang indah dan menarik perhatian menimbulkan kesedaran beragama pada mereka. Mereka kagum pada bentuk-bentuk ini dan terus menikmatinya. Selepas itu mereka bersyukur dan senang dengannya, mereka memuji-muji, kemudian menyangka bahawa bentuk-bentuk ini mempunyai roh. Roh-roh ini dianggap mempunyai kekuatan yang tersembunyi di sebalik bentuk yang kelihatan lalu mendekatinya melalui perbuatan ibadat. Mereka menghadihkan korban-korban dan menganggapnya sebagai tuhan-tuhan yang diseur ketika ada hajat. Oleh sebab itulah bilangan tuhan bertambah banyak dalam kalangan mereka. Apabila mereka menyembah salah satu daripada tuhan mereka, upacara korban akan dilakukan.

Dalam kalangan tuhan penganut Hindu ada yang memerintah dan diperintah, ada ketua dan sebahagiannya diketuai. Ketua dan yang memerintah menjadi tuhan segala tuhan dan dewa segala dewa. Semua makhluk dan tuhan ini berada di bawah perintahnya. Mereka menamakan tuhan ini sebagai Brahma, Vishnu dan Siva atau juga dipanggil tiga dalam satu dan satu dalam tiga. Lima prinsip utama dalam agama Hindu iaitu kewujudan tuhan yang tunggal, manusia itu suci, perpaduan melalui percintaan, harmoni agama dan pengetahuan tentang sungai yang suci, kitab yang suci dan mantera yang suci. Terdapat juga sepuluh disiplin yang bersifat sejagat iaitu kejujuran (*satya*), kesederhanaan (*ahimsa*), tidak berzina (*brahmacharya*), tidak merompak (*shaucha*), kepuasan (*santosh*), mengaji kitab (*swadhyaya*), penjimatan (*tapas*) dan doa (*pooja*) (Osman Bakar et.al. 2015:86). Dalam agama Hindu, terdapat sistem kasta yang terbahagi kepada empat golongan iaitu Brahman, Kshatriya, Vaisya dan Shudra. Dalam Peraturan Manu, diterangkan tugas tiap-tiap golongan ini iaitu Brahman menjadi ketua agama, Kshatriya menjadi perajurit, Vaishya pula bertani dan berniaga serta Shudra memberi khidmat kepada ketiga-tiga golongan yang dianggap mulia. Seseorang Brahmin menerima penghormatan daripada semua tuhan disebabkan keturunannya. Dia berhak memiliki harta benda Shudra. Seseorang Brahmin tidak dikotori dosa sekalipun dia membunuh ketiga-tiga golongan itu. Raja pula diangkat daripada golongan Kshatriya. Raja mesti dihormati walaupun masih kanak-kanak kerana dipercayai bahawa sifat ketuhanan itu meresap ke dalam tubuh Raja yang berupa manusia. Shudra pula tidak boleh mengumpulkan harta melebihi golongan Brahmin. Perbuatan ini dipercayai dapat menyakiti golongan Brahmin akibat kekotorannya.

Kesan kehadiran awal agama Hindu di Malaysia dapat dibuktikan dengan penemuan kesan binaan Hindu lama di Lembah Bujang, Kedah. Kesan ini merujuk kepada pengaruh agama

Hindu sejak kurun ke-7 Masihi. Agama Hindu telah meninggalkan kesan kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Senkritisme agama dapat dilihat dengan jelas dalam adat resam masyarakat Melayu seperti dalam upacara perkahwinan, membabitkan persandingan, pemakaian inai dan upacara menepung tawar. Institusi agama dan pusat ibadat agama Hindu yang terkenal di Malaysia ialah Kuil Murugan di Batu Caves. Kuil itu merupakan pusat ibadat yang paling besar dan terkenal bagi penganut Hindu di Malaysia. Di hadapan pintu masuk kuil itu terdapat patung tuhan Murugan yang besar. Ritual keagamaan di kuil diketuai oleh ketua agama yang dikenali sebagai Sami. Tanda warna yang dipakai pada dahi penganut Hindu ialah *pottu* yang terdiri daripada pelbagai warna. *Pottu* dipakai secara berbeza oleh lelaki dan wanita yang belum berkahwin serta wanita yang sudah berkahwin. Sementara itu susu dan bunga juga merupakan simbol suci yang banyak digunakan dalam upacara penyembahan dewa bagi agama Hindu. Untuk itu, kebanyakan kawasan di sekitar kuil terdapat penjual bunga yang menyediakan kemudahan kepada penganut Hindu untuk bersembahyang. *Ganga Snanam* ialah upacara mandi minyak dengan cara sejenis minyak disapukan ke seluruh badan pada awal pagi Hari Deepavali. Upacara ini dipercayai dapat menghapuskan dosa penganutnya. Penganut Hindu meraikan Deepavali yang biasanya disambut pada akhir Oktober atau awal November setiap tahun. Deepavali merupakan perayaan utama penganut Hindu di Malaysia. Perayaan ini bertemakan penghapusan kejahatan daripada seseorang penganutnya sesuai dengan maknanya iaitu deretan lampu. Satu lagi perayaan Hindu ialah Thaipusam apabila penganutnya menunaikan pelbagai nazar kepada Dewa Murugan (Shamsul Amri Baharuddin 2012: 160-161).

c) Agama Buddha

Kemunculan agama Buddha merupakan suatu reaksi terhadap kekerasan dan penindasan oleh golongan Brahman yang menyebabkan golongan lain bangkit menentang terutama golongan Kshatriya yang terdiri daripada anak-anak raja dan perajurit. Agama ini diasaskan oleh Siddharta Gautama yang selalu memikirkan punca penderitaan dan kemelaratan. Dalam usia 29 tahun, dia meninggalkan istana dan memulakan kehidupan zuhud serta bercita-cita untuk sampai ke peringkat mengetahui rahsia alam. Dia meninggalkan segala kemewahan dan berpuas hati dengan pakaian yang koyak -rabak atau daun pokok untuk menutupi badannya. Dia berbaring di tempat-tempat berduri dan berbatu, tidak menjamah makanan dan minuman. Kadang-kadang dia makan hanya sebiji nasi sehari. Akhirnya, dia berteduh di bawah seponon pokok di dalam hutan Urvela iaitu tempat dia mendapat petunjuk. Kemudian, dia diberi gelaran Buddha, seorang arif yang bercahaya atau Gautama yang bermaksud pendeta.

Agama Buddha mengeneipikan perbincangan tentang ketuhanan. Agama Buddha mengelak perkara yang berhubung dengan perbincangan ketuhanan dan metafizik kerana berpendapat bahawa manusia bergantung kepada diri sendiri bukannya tuhan. Buddha tidak menyentuh tentang keimanan kepada tuhan sedangkan desakan jiwa pengikutnya kuat memikirkan tentang tuhan. Malah, ada yang menganggap Buddha bukanlah manusia semata-mata tetapi roh tuhan telah meresap ke dalamnya. Mengikut penganut Buddha, peribadinya ialah ketuhanan dan kemanusiaan kerana peribadi ketuhanan masuk meresap ke dalam peribadi kemanusiaan. Penganutnya berpendapat Buddha tidak bercakap tentang tuhan kerana dia sendiri adalah tuhan (Ibid;158)

Ajaran Buddha tidak mengajarkan hal-hal tentang ketuhanan dan metafizik tetapi sebaliknya ajaran ini merupakan ajaran psikologi dan etika yang berkaitan dengan kehidupan. Tahap pertama untuk membebaskan diri daripada pusingan kelahiran adalah dengan mengamalkan *sila* ataupun moral yang tinggi seperti mengawal nafsu, mengelakkan dosa besar dan

pergorbanan berdarah. Ini perlu diikuti dengan renungan (*samadhi*), kesedaran (*prajna*), mencapai *sambodhi* iaitu mengetahui kebenaran sepenuhnya dan akhirnya mencapai *nirvana*, iaitu terlepas daripada pusingan kelahiran. *Ahimsa* beerti menolak penyeksaan (*himsa*) serta pembunuhan kerana apa sahaja makhluk tidak boleh dibunuh. Konsep ini menjadi suatu konsep yang penting dalam agama Hindu. Pengikut-pengikut Buddha juga menggunakan istilah *Tri-Ratna* bagi merujuk kepada Buddha, Buddha *Dhamma* dan *Sangha*. *Dhamma* ialah ajaran-ajaran dasar Buddha. Intisari ajaran *Dhamma* dirangkumkan dalam empat kebenaran yang mulia iaitu *Dukka*, *Samudaya*, *Nirodha* dan *Marga*.

Dukka ialah penderitaan, kesengsaraan ataupun perasaan duka. Kehidupan ini disifatkan sebagai suatu penderitaan. Kelahiran, usia tua, mendapat penyakit, kematian dan kelahiran semula merupakan penderitaan. *Samudaya* pula merupakan punca atau penyebab pembawa kepada penderitaan. Contohnya api keinginan, cinta, nafsu, gila kekayaan dan sebagainya. *Nirodha* ialah penghapusan atau 'pemadaman nafsu'. Manakala *Marga* ialah jalan atau pun cara untuk memadamkan nafsu. Proses mengawal nafsu boleh dicapai dengan mengamalkan lapan prinsip berikut;

- (i) Kepercayaan yang benar
- (ii) Tujuan yang benar
- (iii) Pertuturan yang benar
- (iv) Perbuatan yang benar
- (v) Hidup yang benar
- (vi) Usaha yang benar
- (vii) Fikiran yang benar
- (viii) Renungan yang benar

Kelapan-lapan prinsip hidup ini boleh dirangkumkan dalam tiga bahagian utama; Pertama, kepercayaan kepada Buddha Dhamma bagi mencapai nirvana. Kedua, berkelakuan seperti yang ditentukan oleh Sangha. Ketiga, melakukan renungan yang baik menurut Dhamma untuk mencapai nirvana. Menurut Hukum Karma, perbuatan baik akan membawa kesan baik, manakala perbuatan jahat akan membawa padah (Ahmad Zaki Abd Latiff 2012;111-112). Ketenangan rohani dan kasih sayang terhadap semua yang bernyawa itu yang diajarkan oleh Buddha. Antara prinsip yang terpenting diseru oleh Buddha ialah pembasmian kasta. Di Malaysia, bukan semua etnik Cina menganut agama Buddha kerana sebahagian daripada mereka juga berpegang kepada ajaran Taoisme, Konfusianisme, Kristian dan Islam. Malah, terdapat dalam kalangan mereka yang mengamalkan dua atau lebih ajaran Konfusianisme, Buddha dan Taoisme dalam masa yang sama.

(d) Agama Kristian

Agama Kristian asalnya merupakan mazhab daripada kepercayaan Yahudi yang menerima Jesus daripada Nazaret sebagai messiah atau kristus. Sesetengah penganut Kristian menggelar Jesus sebagai penyelamat orang Yahudi seperti yang dijanjikan dalam Kitab Perjanjian Lama. Penganut Kristian sama ada gereja Roman Katolik, Ortodok Timur ataupun Gereja Protestan menerima Doktrin Trinitati atau Tritunggal sebagai ajaran utama agama Kristian. Penganut Kristian percaya bahawa selepas berakhirnya kehidupan Jesus Christ di dunia wujud tuhan kekal di dunia dalam bentuk Roh Suci atau Roh Kudus yang terdiri daripada tiga makhluk iaitu Bapa, Anak dan Roh Suci. Orang Kristian menganggap Jesus sebagai jelmaan tuhan iaitu tuhan yang mengambil rupa manusia yang mempunyai sifat-sifat manusia. Bagi orang Kristian, Jesus meninggal dunia untuk menyelamatkan manusia daripada dosa. Tegasnya, kematian Jesus adalah untuk menyelamatkan manusia daripada dosa.

Agama Kristian mengajar bahawa tuhan menurunkan anaknya, Jesus ke dunia sebagai hamba pilihannya yang dinamakan al-Masih. Ini bertujuan untuk menolong manusia melakukan tugas keagamaan mereka. Kitab suci Kristian iaitu Bible mengandungi Kitab Perjanjian Lama atau Bible Ibrani dan Perjanjian Baru. Kitab Perjanjian Lama (Bible) memimpin manusia ke arah kehidupan yang bermoral iaitu menjauhi segala perkara yg negatif untuk menyelamatkan manusia daripada dosa. Mengandungi 10 ajaran dan perintah dari Tuhan yang dikenali sebagai *The Ten Commandments* (sepuluh rukun) Tuhan itu hanyalah satu, pencipta segala makhluk. Penganut Kristian hendaklah mematuhi perintah-perintah Tuhan dan ajaran yang disampaikan. Penganut Kristian digalakkan ke gereja pada hari Ahad kerana dianggap hari kesucian (*The Sabbath Day*). Penganut Kristian hendaklah percaya kepada kehidupan semula selepas mati dan mereka harus percaya kepada Jesus Christ akan dilahirkan semula untuk memimpin mereka. Apabila timbul kelahiran semula ini, segala kejahatan akan berakhir dan kehidupan akan dilimpahi dengan rahmat yang suci. Seterusnya, penganut Kristian dituntut agar menghormati ibubapa dengan memberikan sepenuh kasih sayang kepada mereka dan melarang penganutnya daripada melakukan sebarang kejahatan seperti membunuh, mencuri, minum arak dan melakukan zina. Penganut hendaklah berkasih sayang sesama manusia dan menggalakkan hubungan mesra dengan masyarakat terutamanya jiran tetangga.

Perjanjian Baru berdasarkan kepada Perjanjian Lama. Asas ajaran agama Kristian ialah yang mempunyai hubungan nilai murni kasih sayang kepada tuhan, rakan, keluarga, saudara-mara, jiran dan malah musuh. Penganut yang mempunyai kejujuran iaitu orang yang bercakap benar dan jujur akan bersama-sama Tuhan di akhirat. Penganut Kristian hendaklah selalu bersyukur dan berpuas hati terhadap apa yang dipunyai dan jangan mementingkan keduniaan. Ajaran Kristian juga melarang penganutnya berdendam dan haruslah memaafkan orang lain. Juga hendaklah berlaku adil dalam membuat keputusan atau menilai sesuatu, bertanggungjawab terhadap tugas, pekerja bawahan, dan tidak harus membandingkan tindakan mereka dengan orang lain. Seterusnya, seseorang itu harus cekap dalam menjalankan tugas, jangan membuang masa, rajin dan tekun menjalankan tanggungjawab dengan sepenuh hati dan berdedikasi, bersemangat dan berinisiatif serta patut melakukan tugas hariannya dengan tujuan untuk mendapatkan balasan baik. Agama Kristian menekankan aspek-aspek keberanian, kekayaan dan optimistik (<http://drabdshatar.blogspot.my/2012/08/agama-kristian.html>)

Kitab-kitab tersebut juga mencatatkan riwayat hidup dan ajaran Jesus, perkembangan gereja pada peringkat awal dan menerangkan pengertian kepercayaan mengikut Jesus. Dua amalan penting dalam Kristian ialah pembaptisan dan Eukaris yang kedua-duanya berlangsung dalam gereja. Pembaptisan ialah upacara untuk meraikan kemasukan seseorang dalam Kristian. Sementara Eukaris atau Perhimpunan Suci atau Makan Malam Terakhir pula ialah majlis makan roti dan *wine* sebagai tanda perpaduan antara penganut Kristian dan Jesus. Pemimpin gereja yang paling berkuasa ialah bishop Rom yang dinamakan Paus di Barat dan Patriach di Constantinople di Timur. Antara perayaan suci dalam Kristian ialah Krismas, Easter dan Good Friday. Penganut Kristian digalakkan berkumpul di gereja untuk beribadat dan menjalani kehidupan yang lurus mengikut peraturan moral tuhan (Shamsul Amri Baharuddin 2012: 160-161). Selain Bible atau kitab Injil, salib juga merupakan ikon suci bagi penganut Kristian. Salib ialah tanda palang yang menjadi symbol bagi agama Kristian. Simbol ini biasa dilihat di bumbung atau di dinding gereja selain dipakai sebagai rantai leher oleh penganutnya. Mereka mempercayai bahawa pemakaiannya dapat melindungi daripada bahaya (Zaid Ahmad et.al. 2010: 176)

(e) Agama Sikh

Sikh merupakan kelompok agama minoriti di Malaysia. Agama Sikh dianuti oleh sebahagian besar etnik India berketurunan Punjabi di negara ini. Penganut Sikh lebih mudah dikenali dengan identifikasi pemakaian serban dan berjanggut panjang untuk lelaki. Bagi lelaki biasanya menggunakan nama akhir Singh yang bermaksud 'singa' manakala wanita menggunakan Kaur yang bermaksud 'puteri.' Pengasas agama Sikh ialah Guru Nanak pada tahun 1469M. Ajaran agama ini diteruskan dan dikembangkan oleh sembilan orang guru lain. Penganut agama Sikh mempercayai satu Tuhan. Kitab suci agama ini dikenali sebagai *Sri Guru Granth Sahib Ji* yang menjadi sumber rujukan utama dalam kehidupan penganut Sikh. Kitab setebal 1,430 muka surat itu ditulis dan disempurnakan oleh Guru Sikh serta terdapat di setiap gurdwara iaitu pusat ibadat dan kediaman orang Sikh. Isi kandungannya mengandungi ajaran agama Sikh dan mazmur bagi tujuan keagamaan termasuk nasihat untuk panduan kehidupan. *Granthi Sahib* membaca kitab suci dan menyanyikan *kirtan* (mazmur) serta menyampaikan *katha* (syarahan) tentang ajaran agama Sikh dalam bahasa Punjabi. Upacara keagamaan ini diakhiri dengan bacaan *ardas* (doa) dengan cara penganut Sikh berdiri sambil merapatkan kedua-dua belah tapak tangan yang bertujuan memanjatkan kesyukuran, meminta maaf, berterima kasih atau pun meminta sesuatu hajat daripada Waheguru dengan penuh keikhlasan. *Guru ka langgar* iaitu makanan berupa sayuran dimasak oleh orang Sikh di gurdwara yang disediakan kepada pengunjung tanpa mengira agama. Penganut Sikh mementingkan *seva* (kerja amal) kepada umat manusia tanpa mengira agama.

Seterusnya, *kes* atau berambut panjang menjadi simbol keimanan. Penganut Sikh tidak dibenarkan memotong atau mencukur rambut dan bulu di mana-mana bahagian badan. Jika berbuat demikian bererti melanggar perintah tuhan. *Kangha* atau sikat mempunyai kaitan dengan rambut agar sentiasa bersih. *Kara* atau gelang besi yang dipakai di tangan kanan bertujuan untuk mengingatkan agar mengelakkan kejahatan dan melambangkan ikatan serta kepatuhan yang teguh kepada agamanya. *Kirpan* atau pedang kecil menunjukkan bahawa seseorang yang memakainya setia dan teguh pegangan agamanya di samping mempunyai iltizam yang tinggi terhadap agamanya. *Kacha* atau seluar khas melambangkan kesediaan setiap waktu dan ketangkasan pergerakan dalam proses melakukan sesuatu. Ini semua bertujuan agar penganut Sikh menjaga diri dan tidak melakukan perbuatan yang tidak bermoral seperti berzina.

Vaisakhi merupakan perayaan terpenting bagi penganut Sikh. Perayaan ini disambut pada bulan April setiap tahun. Pada hari tersebut, penganut Sikh mengunjungi gurdwara bersama keluarga dan sanak saudara. Mereka menuju ke *darbar sahib* (dewan sembahyang) tempat letaknya kitab suci. *Sangat* perlu menghormati kitab suci sepanjang masa terutama ketika berada di gurdwara. Aktiviti keagamaan yang utama dijalankan semasa sambutan perayaan Vaisakhi ialah *amrit sanskar* iaitu upacara pembaptisan. Upacara suci ini menandakan kesediaan penganut Sikh memohon *amrit* iaitu air suci bagi mendekatkan diri kepada *Waheguru*. Penganut Sikh tidak kira lelaki atau perempuan boleh menjalani upacara tersebut pada bila-bila masa tanpa sekatan umur. Namun persediaan diri terutama mental dan spiritual amat penting. ((Shamsul Amri Baharuddin 2012: 163-164)

(f) Animisme

Animisme ialah istilah untuk mana-mana kepercayaan yang melibatkan pemujaan roh dan semangat alam semulajadi. Kepercayaan animism menganggap bahawa segala sesuatu di

dalam alam ini termasuk benda alam yang mati mempunyai jiwa dan dapat berfikir serta berkeperibadian seperti manusia. Semangat dan kuasa luar biasa ini disifatkan sebagai tuhan. Penganutnya menyembah dan memuja batu, pokok, sungai, gunung, pokok, patung dan juga benda hasil buatan mereka sendiri seperti keris dan tombak. Secara ringkasnya, animisme percaya bahawa:

- (i) semua objek di dalam dunia ini memiliki jiwa dan hidup;
- (ii) adanya makhluk halus seperti hantu dan jin di gunung, sungai dan tempat keramat; dan
- (iii) bintang, matahari dan bulan memiliki jiwa.

Roh-roh ini terdiri daripada roh mereka yang sudah meninggal dan membawa kepada pemujaan nenek moyang atau mungkin ada roh yang umum, yang tidak dihubungkan dengan seseorang yang mirip dengan *mana* daripada kepercayaan orang di kepulauan Pasifik atau *manito* daripada kepercayaan orang Indian Amerika. Roh-roh ini harus dijaga agar tidak boleh dipermainkan. Dukun, orang keramat, dan ahli sihir merupakan orang penting yang menghubungkan manusia dengan makhluk halus atau roh-roh ini.

Dalam masyarakat Melayu, animisme dikaitkan dengan kewujudan semangat, roh, penunggu, puaka, dan makhluk alam ghaib yang lain. Bagi orang Melayu, semangat dipercayai hidup di merata tempat sama ada di kawasan pertanian iaitu sawah dan kebun, lautan, pantai, hutan rimba, rumah atau dalam diri manusia itu sendiri. Orang Melayu tradisional percaya bahawa semua makhluk ghaib boleh dihubungi, diseur dan dipujuk. Malahan makhluk ini dipercayai boleh dan dapat menunaikan segala permohonan para pemohon dan pemujanya. Semangat ini dipercayai dapat mempengaruhi sesuatu hasil pertanian. Hasil tuaian padi dikaitkan dengan adanya semangat padi yang sentiasa mengawal padi ini. Semangat padi hendaklah dijaga supaya tidak merajuk atau marah sehingga boleh mengurangkan mutu atau hasil padi. Di Semenanjung Malaysia misalnya, semangat padi dipercayai boleh membantu mengeluarkan hasil yang banyak dengan syarat semua peraturan upacara, pantang-larang, dan cara melaksanakannya diikuti. Pawang yang banyak melibatkan upacara yang dilakukan seluruh penduduk seperti upacara memanggil semangat padi (Esa Khalid 2004:183)

4. Kesimpulan

Prinsip kebebasan beragama juga diraikan dan diperuntukkan tempat yang wajar dalam Islam. Penganut pelbagai agama bebas mengamalkan agama pegangan masing-masing dengan aman tanpa merasa takut dan terancam. Berasaskan prinsip ini, rumah-rumah ibadat dibenarkan untuk didirikan. Islam menganggap semua agama berhak untuk diamalkan oleh penganut agama masing-masing. Ciri-ciri yang ada dalam Islam sangat berguna untuk menjaga kebajikan manusia sejagat. Namun, untuk melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan, Islam menganjurkan supaya dibuat dengan niat yang jujur atas dasar tanggungjawab secara langsung pada Allah. Untuk itu, setiap perbuatan yang dilakukan akan dinilai dari segi kejujuran niat. Kejujuran dan amanah dalam menunaikan tanggungjawab sama ada terhadap individu atau masyarakat mampu memberi impak dalam kehidupan manusia.

Dalam kepelbagaian etnik, agama dan budaya di Malaysia, masyarakatnya mampu hidup sebelah menyebelah dengan harmoni. Pemahaman tentang institusi agama, pusat ibadat, perayaan, ritual dan simbol suci bagi agama yang dianuti oleh keseluruhan masyarakat Malaysia berupaya memperkukuh hubungan antara penganut agama yang pelbagai. Perselisihan dan salah faham antara agama yang berbeza dapat dibendung daripada terus

merebak. Prasyarat kepada pengukuhan hubungan antara agama yang lebih bermakna ialah setiap penganut agama yang berbeza mestilah mempunyai sikap toleransi yang tinggi terhadap agama lain dan pendekatan harus dipupuk ke arah yang lebih positif. Peningkatan tahap toleransi antara agama dan etnik mampu ditingkatkan dengan kesediaan semua kelompok agama memahami dan menerima perbezaan serta meraikan kepelbagaian. Dengan pengukuhan hubungan antara penganut agama yang berbeza pasti dapat menyumbang ke arah keharmonian hubungan antara etnik serta kesejahteraan pembangunan negara bangsa.

Sumber Rujukan

- Ahmad Zaki Abd. Latif, Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. 2012. *Buku Teks Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)*. Selangor:Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Ahmad Zaki Abd. Latif, Azam Hamzah & Azhar Mad Aros. 2015. *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) Edisi Ketiga*. Selangor:Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Anuar Rafie, Salehah Abdull Hak. 2007. *Rukun Negara*. Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Ayu Nor Azilah Mohamad, Rohaini Amin, Nor Azlina Endut. 2013. “*Rukun Negara:Peranan, Penghayatan dan Cabaran dalam Perpaduan di Malaysia*” dalam Mohd Azani Jabar (peny.) 2013. *Membina Bangsa Malaysia*. Jabatan Perdana Menteri:Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional.
- Esa Khalid & Mohd. Azhar Abd. Hamid. 2004. *Beberapa Aspek Tamadun Melayu, India, China dan Jepun*. Johor:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- <http://drabdshatar.blogspot.my/2012/08/agama-kristian.html>. 04 November 2016.
- <http://paksuamir.wordpress.com/2009/07/05/kepercayaan-kepada-tuhan/>. 23 Mac 2010.
- <http://www.malaysiaharmoni.com/index.php/pandangan/pandangan-category/4-krisis-perak-daripada-perspektif-rukun-negara>. 23 Mac 2010.
- Mardiana Nordin & Hasnah Husiin. 2014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor:Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Mohamed Mustafa Ishak. 2014. *Politik Bangsa Malaysia:Pembinaan Bangsa dalam Masyarakat Pelbagai Etnik*. Kuala Lumpur:ITBM & UUM Press.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad. 2015. *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2007. *Modul Hubungan Etnik*. Shah Alam:Universiti Teknologi MARA.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2012. *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ramawan Ab. Rahman. 2011. *Pengantar Tamadun dan Sejarah Pemikiran Islam*. Penerbit Alambaca Sdn. Bhd.

Singaravelu Sachithanantham (editor). 2006. *Pengajian India: Bicara Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Zaid Ahmad (editor) et.al. 2010. *Buku Teks Hubungan Etnik di Malaysia Edisi Kedua*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.